



USANG...rumah terbiar yang hampir roboh akibat takungan air dari limpahan Sungai Aur.

Tunggu masa runtuh

Rumah tepi sungai makin mendap, retak

>>**Oleh Nur Lela Zulkipli**

am@hmetro.com.my

KLANG: Nasib lebih 20 keluarga menghuni rumah teres dua tingkat berhampiran tebing Sungai Aur di Jalan Solok Gambus 4A dan 4B, Taman Desawan, di sini, bagai telur di hujung tanduk apabila terpaksa mendiami rumah yang berisiko tinggi untuk runtuh.

Penduduk yang menetap hampir 20 tahun di situ terpaksa mempertaruhkan nyawa setiap hari lebih-lebih lagi selepas kejadian lima rumah runtuh secara serentak akibat hakisan di tebing sungai yang semakin parah.

Lebih malang, rumah mereka duduki semakin retak berikutan keadaan tanah semakin mendap.

Kejadian terbaru berlaku kira-kira jam 10 pagi disusuli kejadian seterusnya pada jam 3 petang Ahad lalu membabitkan lima rumah di tebing sungai itu runtuh dan meninggalkan kesan retakan teruk di beberapa rumah di kawasan kejiranan itu.

Penduduk, S Kogi, 48, berkata mereka terpaksa berdepan risiko kehilangan nyawa selepas rumah diduduki hampir 20 tahun lalu kini menunggu masa runtuh.

"Saya bimbangkan keselamatan kami sekeluarga. Masalah ini sudah bermula sejak dua tahun lalu dan menjadi semakin teruk kebelakangan ini.

"Bukan satu aduan tetapi sudah ratusan aduan dibuat di Majlis Perbandaran Klang

(MPK), Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS), termasuk pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR) cawangan Klang namun semuanya tiada tindakan," katanya ketika ditemui.

Kogi berkata, pihak berkenaan tidak pernah mengotakan janji untuk menyelesaikan masalah itu dengan segera dan sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil.

"Mula-mula pihak berkenaan berjanji dalam masa dua bulan akan melakukan kerja pembaikan. Kemudian dua bulan berlalu tanpa sebarang tindakan.

"Selepas dua bulan, dijanjikan dua bulan lagi dengan alasan sama diberikan serta ada pegawai enggan menjawab panggilan sehingga sudah masuk dua tahun perkara ini berlarutan," katanya.

Penduduk lain, K Ramathan, 49, berkata, MPK dan JPS sepatutnya melakukan tindakan segera, bukan hanya memantau kawasan dan kesan retakan tetapi masih tidak bertindak membaiki keadaan yang membahayakan di kawasan itu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam MPK, Norfiza Mahfiz, ketika dihubungi, berkata pihaknya sudah mengambil tindakan selain memaklumkan kawasan berkenaan tertakluk di bawah pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Klang.

Katanya, penduduk terbabit tidak perlu risau kerana bakal menerima bayaran pampasan berikutan masalah berkenaan.